

19 FEB 1999

Sabbaruddin-Umno

MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BOLEH DIADAKAN MULAI 15 APRIL

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Sabbaruddin Chik hari ini berkata mesyuarat perwakilan 165 bahagian Umno termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita Bahagian boleh diadakan mulai 15 April hingga 2 Mei.

Sabbaruddin berkata, mesyuarat itu hendaklah memilih wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung, seorang wakil bagi setiap 500 orang anggota, dengan bilangan wakil tidak lebih daripada tujuh orang dari setiap Bahagian.

Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Wanita secara automatik menjadi perwakilan Umno Bahagian ke Perhimpunan Agung, katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat mengenai Perhimpunan Agung Umno 1999 di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Persidangan tahunan 17,712 cawangan di seluruh negara termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita pula boleh diadakan mulai 4 Mac ini hingga 4 April, katanya.

Cawangan-cawangan yang dibenarkan mengadakan persidangan tahunannya adalah yang telah berdaftar pada atau sebelum 15 Dis tahun lepas serta sudah memperolehi Sijil Pendaftaran Cawangan, katanya.

Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata Majlis Tertinggi pada 5 Feb lepas telah memutuskan bahawa pembayaran yuran tahunan anggota bagi 1999 boleh dikutip mulai sekarang.

Beliau berkata, Majlis Tertinggi juga memutuskan 15 Nov tahun ini sebagai tarikh tutup pembayaran yuran oleh anggota di peringkat cawangan, 30 Nov bagi peringkat Bahagian dan 15 Dis di Ibu Pejabat.

Katanya, oleh kerana senarai anggota yang membayar yuran yang dihantar ke Ibu Pejabat oleh Bahagian-Bahagian tidak lengkap, maka senarai itu tidak dapat disediakan untuk diedarkan kepada Bahagian dan Cawangan.

Senarai anggota yang membayar yuran itu hendaklah dikeluarkan oleh Bahagian dan cawangan masing-masing, kata Sabbaruddin.

Mengenai Perhimpunan Agung Umno pula, ia akan tetap diadakan mulai 18 hingga 20 Jun sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini.

Beliau berkata, Presiden Umno yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad akan merasmikan perhimpunan agung itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra pada 18 Jun.

Walaupun perhimpunan agung bermula 18 Jun tetapi pada 16 Jun, majlis taklimat oleh Presiden Umno akan diadakan, diikuti perasmian serentak Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno pada 17 Jun oleh Naib Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang kini menjalankan tugas-tugas timbalan presiden, katanya.

Majlis Tertinggi Umno pada 8 Jan lepas telah memutuskan bahawa pemilihan ahli majlis tertinggi, exco pergerakan pemuda dan wanita, yang sepatutnya diadakan pada bulan Jun, ditangguhkan sehingga selesainya pilihan raya umum sesuai dengan fasal 10.17 Perlembagaan Umno.

-- BERNAMA

MHI AHH ZB